

28 FEB 1998

Mahathir-Brunei

DR MAHATHIR ADAKAN PERBINCANGAN DENGAN SULTAN BRUNEI

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah mengenai krisis kewangan dan ekonomi di rantau ini di Hotel Shangri-La di sini.

Perbincangan mereka yang bermula pada pukul 11.30 pagi dijangka tertumpu kepada perkembangan terbaru di negara-negara serantau, terutama dalam penyelarasan usaha-usaha mengatasi krisis itu.

Sultan Hassanal tiba di sini malam tadi untuk lawatan kerja sehari.

Beliau diiringi adiknya Pengiran Jefri Bolkiah, yang juga pengerusi Agensi Pelaburan Brunei, badan pelaburan kerajaan Brunei, dan Ketua-ketua Setiausaha Yahya Bakar (Kementerian Kewangan), Abdul Aziz Abdul Rahman (Jabatan Perdana Menteri) dan Lim Jock Seng (Kementerian Luar).

Kementerian Luar dalam satu kenyataan pada Khamis berkata tujuan lawatan Sultan Hassanal Bolkiah ialah untuk mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir "terutama dalam konteks menyelaraskan usaha-usaha bagi mengatasi krisis itu."

Kedua-dua pemimpin itu telah mengadakan pertemuan pada 18 Feb lepas semasa Dr Mahathir mengadakan lawatan sehari ke Bandar Seri Begawan.

Dr Mahathir berkata selepas pertemuan itu bahawa Brunei bersetuju terhadap cadangan menggunakan mata wang serantau bagi perdagangan di kalangan negara-negara anggota Asean.

Cadangan itu sedang dikaji beberapa negara Asean termasuk Singapura.

Sultan Hassanal dijadual berlepas pulang selepas menghadiri majlis santapan tengah hari yang diraikan oleh Dr Mahathir di hotel itu. --

BERNAMA

ES AU RON